

Mawlid Nabi dan Hubungannya Dengan Ekonomi Orang-orang Melayu

Sejak hampir 450 tahun yang lampau mengikut sejarah yang agak lebih tepat bangsa Melayu di daerah tanah Malaysia dan Singapura telah menganut agama Islam. Ini bermakna selama itu pulalah maulud atau mawlid diperayakan orang di setiap pelosok tanah air kita di sebelah di sini.

Sudah begitu lama masa yang kita tempuh, tetapi sampai ke hari ini masyarakat Islam khususnya bangsa Melayu masih belum berkesempatan menyaksikan kesan-kesan yang lebih objektif dari majlis-majlis perayaan tersebut yang diadakan setiap tahun.

(Oleh: Aziz Siddiqi)

Apabila rencana ini dikemukakan kepada sidang pembaca, mungkin andai kata tidak diperdalamkan fikiran, ada setengah orang dari para pembaca yang menganggap bahawa penulis lahir dari golongan umat Islam yang kontra atau anti perayaan suci itu. Sekalipun kemungkinan-kemungkinan tersebut akan muncul, namun bila memandang ke arah memperbetul hak-hak umat Islam lebih besar ertinya dari memandang akan kepentingan-kepentingan individu, segala tersalah pengertian yang akan lahir boleh dikira satu perkara enteng sahaja.

Perubahan:

Suatu kenyataan yang tidak seorang pun dapat membangkang, bahawa umumnya perayaan mawlid yang sering diadakan oleh masyarakat Melayu pada setiap tahun itu disambut dengan acara-acara yang boleh dibahagikan kepada:

1. Bacaan al-Qur'an al-Karim.
2. Syarahan
3. Bacaan berzanji-marhaban.

4. Doa selamat.
5. Jamuan dan bersurai.
Dari kelima-lima acara majlis yang tertulis bila ditinjau secara kasar memanglah semuanya berfaedah, tetapi bila diperinci secara lebih *detail* tak dapat tidak kita akan bersua dengan beberapa hakikat yang perlu diberi perubahan yang lebih besar ertinya kepada masyarakat Islam. Untuk sampai ke matlamat kajian ini, biarlah kita bahaskan lebih lanjut hanya acara-acara ketiga dan kelima sahaja, kerana yang pertama, kedua dan keempat tetap digalakkan oleh Islam.

Tanpa Mengetahui Maksud:

Tentu tidak keterlaluan kalau kita katakan, bahawa setiap orang dari kita pernah hadir ke salah satu majlis perayaan mawlid yang diadakan oleh berbagai badan Islam di daerah kita, tapi kita belum menyaksikan satu terjemahan lengkap dari kandungan kitab berzanji atau marhaban yang dibacakan. Dengan cara ini setiap orang yang tidak

mengetahui bahasa Arab hanya dapat menikmati bacaan berzanji atau marhaban tanpa mengerti akan maksudnya.

Selagi hal yang sudah berupa tradisi ini tidak dapat diperbaiki maka tinggallah segolongan besar umat Islam di negeri kita laksana si buta menonton wayang. Padahal bacaan berzanji yang dibacakan itu penuh mengandungi berbagai mutiara yang bernilai kepada umat Islam, terutama golongan kaum Muslimin yang masih tipis kepercayaannya tentang ajaran-ajaran Islam yang dibawa oleh junjungan agung Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*.

Membazir:

Sering berlaku di dalam masyarakat kita orang Melayu suka mengadakan makanan-makanan yang berlebihan sebagai persediaan untuk menyambut ketibaan peristiwa mawlid. Kadangkala terjadi juga perang mulut antara seorang suami dengan isteri lantaran tidak mendapat kata sepakat dalam menyediakan kuih-

muih yang akan dihantar ke tempat-tempat majlis perayaan diadakan. Yang menyedihkan terdapat juga golongan yang hanya suka membuat makanan yang banyak untuk perayaan tetapi mereka sendiri tidak kepingin hadir ke majlis tersebut untuk mendengar ucapan-ucapan yang berguna. Dengan cara begini segala makanan yang telah disediakan tinggal bertimbun-timbun tanpa dimakan. Pada kaca mata Islam ini termasuk ke dalam lingkungan membazir.

Rasa Sentimen:

Kerap kali benar terjadi perselisihan antara jiran dengan jiran lantaran setiap orang mahu agar perayaan mawlid diadakan di rumah masing-masing. Padahal alangkah baiknya jika majlis tersebut diadakan di tempat yang lebih *public*

seperti: masjid, surau, balai orang ramai dan lain-lain. Dengan yang demikian lebih menjimatkan perbelanjaan yang mana sekiranya rasa sentimen ini tidak dapat dipadamkan ia akan meninggalkan kesan yang buruk kepada keutuhan ekonomi bangsa kita yang sudah sedia uzur.

Persesuaian:

Sesuai dengan kemajuan di abad *modern*, kita amat memerlukan perubahan-perubahan yang faedahnya dapat dinikmati oleh umat Islam di rantau ini secara yang lebih menyeluruh.

Sebagai satu contoh ialah:

“Lembaga Biasiswa Kenangan Mawlid” yang berjalan dengan baiknya di Republik Singapura sekarang. Lembaga ini telah mencapai beberapa kemajuan di dalam usahanya mengeluarkan bantuan-bantuan persekolahan

kepada pelajar-pelajar sekalian bangsa bersempena dengan hari lahir junjungan agung Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*. Kita tentu gembira dengan kelahiran usaha yang lebih dinamik ini demi untuk kemajuan Islam dan kaum Muslimin seluruhnya.

Masyarakat Islam, khususnya bangsa Melayu di rantau ini sedang menunggu-nunggu munculnya badan-badan Islam yang lain yang akan mengikut jejak langkah (L.B.K.M) agar tidaklah hanya berhenti pada mengadakan perarakan-perarakan, jamuan-jamuan yang kita rasa kesannya tidak begitu dapat dirasakan oleh semua golongan kaum Muslimin. Tetapi ini bukanlah kita menafikan sama sekali faedah-faedahnya.



Para undangan khas sedang asyik mendengar ucapan Tuan Syed Nasir di majlis memperingati genap 10 tahun Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur.